



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Lembaga Peperiksaan

JADUAL WAKTU

**UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU
UJIAN BERTUTUR BAHASA INGGERIS
UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
UJIAN AMALI SAINS**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

2021

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN

**BAHAGIAN A
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) - ARAHAN AM**

Pihak JPN hendaklah:

1. memaklumkan kepada sekolah untuk memuat turun Jadual Waktu Ujian Bertutur Bahasa Melayu, Ujian Mendengar Bahasa Melayu, Ujian Bertutur Bahasa Inggeris, Ujian Mendengar Bahasa Inggeris dan Ujian Amali Sains SPM 2021 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan (lp.moe.gov.my).
2. mencetak dan mengedarkan Jadual Waktu Ujian Bertutur Bahasa Melayu, Ujian Mendengar Bahasa Melayu, Ujian Bertutur Bahasa Inggeris, Ujian Mendengar Bahasa Inggeris dan Ujian Amali Sains SPM 2021 kepada semua calon persendirian.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan pada tahun semasa.
4. merujuk kepada buku Panduan Pengendalian Ujian Amali Sains Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mulai Tahun 2021 serta dokumen peperiksaan lain oleh Lembaga Peperiksaan (LP) yang sedang berkuat kuasa.

**BAHAGIAN B
PENGETUA - ARAHAN AM**

Pengetua hendaklah:

1. mengedarkan Jadual Waktu Ujian Bertutur Bahasa Melayu, Ujian Mendengar Bahasa Melayu, Ujian Bertutur Bahasa Inggeris, Ujian Mendengar Bahasa Inggeris dan Ujian Amali Sains SPM 2021 kepada semua calon sekolah.
2. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan sebelum peperiksaan.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengendalian Ujian Amali Sains Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mulai Tahun 2021 serta dokumen peperiksaan lain oleh LP yang sedang berkuat kuasa.

BAHAGIAN C

ARAHAN AM KEPADA:

KETUA PENTAKSIR PUSAT UJIAN (1103/3 DAN 1119/3)

KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN (1103/4 DAN 1119/4)

KETUA PENGAWAS AMALI

Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pengawas Amali hendaklah:

1. memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Ujian Bertutur Bahasa Melayu, Ujian Mendengar Bahasa Melayu, Ujian Bertutur Bahasa Inggeris, Ujian Mendengar Bahasa Inggeris dan Ujian Amali Sains SPM 2021 dimaklumkan kepada calon.
2. meminta semua calon untuk memeriksa dan memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
3. memberi taklimat ringkas kepada calon semasa calon berada di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu.
4. menyediakan laporan menggunakan Borang LP/Am 30 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
5. memastikan calon mengisi Borang LP/Am 31 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
6. merujuk kepada buku Panduan Pengendalian Ujian Amali Sains Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mulai Tahun 2021 serta dokumen peperiksaan lain oleh LP yang sedang berkuat kuasa.

BAHAGIAN D

CALON – ARAHAN, AMARAN, LARANGAN DAN PERINGATAN

1. ARAHAN AM

- 1.1 Calon wajib menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang tidak menduduki mana-mana kertas peperiksaan bertulis atau tidak melaksanakan Ujian Bertutur, Ujian Mendengar atau Ujian Amali Sains akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan.
- 1.2 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Ujian Bertutur Bahasa Melayu, Ujian Mendengar Bahasa Melayu, Ujian Bertutur Bahasa Inggeris, Ujian Mendengar Bahasa Inggeris dan Ujian Amali Sains SPM 2021 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon.

2. ARAHAN DI BILIK LAPOR DIRI/BILIK MENUNGGU/BILIK UJIAN/MAKMAL PEPERIKSAAN/BILIK KUARANTIN

- 2.1 Calon hendaklah berada di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu 5 minit sebelum aktiviti di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah mengemukakan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Borang Pengenalan Diri Calon (LP/Am 118)** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** apabila diminta oleh Pengawas/Guru Bertugas semasa berada di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.

3. ARAHAN TENTANG KERTAS PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 3.1 menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
- 3.2 memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pengawas Amali dengan segera jika menerima kertas peperiksaan yang salah atau tidak lengkap.
- 3.3 membaca dan mematuhi semua arahan pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas peperiksaan sebelum peperiksaan dimulakan.

4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 4.1 menyemak label butiran maklumat diri dan peperiksaan pada muka hadapan skrip jawapan peperiksaan. Calon dilarang menulis atau membuat sebarang tanda pada label berperekat.
- 4.2 menulis **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri** dan **Angka Giliran** dengan jelas dan betul pada muka hadapan skrip jawapan peperiksaan.
- 4.3 menulis jawapan pada ruangan yang dibenarkan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pensel atau pena mata bola berdakwat selain hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta. Calon dinasihatkan agar tidak menulis sebarang jawapan atau jalan kerja diluar ruangan yang ditetapkan.
- 4.4 menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas peperiksaan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.5 memastikan **Angka Giliran**, **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri**, **Nama Kertas**, **Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** telah ditulis dengan betul pada ruangan yang disediakan pada kertas peperiksaan dan kertas jawapan apabila diarah berhenti menulis.
- 4.6 berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan dikumpul semula oleh Pengawas.

5. ARAHAN TENTANG TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon dilarang membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak.
- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada ruangan yang disediakan dan hitamkan ruang yang berkenaan.
- 5.4 Calon hendaklah menggunakan pensel 2B atau BB sahaja.
- 5.5 Calon hendaklah memastikan ruang jawapan yang dihitamkan memenuhi keseluruhan ruang.
- 5.6 Calon hendaklah menggunakan getah pemadam jenis lembut sahaja untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon dilarang menggunakan pemadam jenis cecair, kimia, pelekat atau seumpamanya.
- 5.7 Calon dilarang melipat, menggulung atau merenyuk Kertas JOB dan JOTB.
- 5.8 Calon dilarang membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada kertas JOB dan JOTB.

6. AMARAN DI BILIK LAPOR DIRI/BILIK MENUNGGU/BILIK UJIAN/MAKMAL PEPERIKSAAN/BILIK KUARANTIN

Calon tidak dibenarkan:

- 6.1 melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan.
- 6.2 keluar dari Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin tanpa kebenaran Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pengawas Amali.
- 6.3 membawa keluar dari Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan kertas peperiksaan sebelum peperiksaan tamat.
- 6.4 mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
- 6.5 memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata.
- 6.6 merokok di dalam Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.

**7. LARANGAN DI BILIK LAPOR DIRI/BILIK MENUNGGU/BILIK UJIAN/MAKMAL
PEPERIKSAAN/BILIK KUARANTIN**

Calon dilarang:

- 7.1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin kecuali peralatan tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
- 7.2 membawa masuk sebarang alat tulis ke dalam Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Kuarantin bagi Ujian Bertutur.
- 7.3 menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
- 7.4 mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 7.5 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
- 7.6 menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
- 7.7 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Amali.
- 7.8 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 7.9 membuat rujukan di luar Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
- 7.10 membawa kertas peperiksaan keluar dari Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
- 7.11 membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan keluar dari Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.

8. PERINGATAN

Calon yang melanggar sebarang peraturan peperiksaan dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertiya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut: -

- i. Keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- ii. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- iii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisyiharkan terbatal.

**JADUAL SIDANG UJIAN BERTUTUR
1103/3 BAHASA MELAYU KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021
8 HINGGA 10 FEBRUARI 2022**

TARIKH	AKTIVITI CALON/ PETUGAS (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3
SELASA 8 FEBRUARI 2022 hingga KHAMIS 10 FEBRUARI 2022	CALON HADIR 5 MINIT LEBIH AWAL			
	Lapor diri/Taklimat Ringkas oleh Ketua Pentaksir Pusat Ujian (Bilik Menunggu)	7.50 pagi – 7.55 pagi	9.50 pagi – 9.55 pagi	11.35 pagi – 11.40 pagi
	Ujian mula – Ujian Bertutur Individu (Calon 1 - 4) (Bilik Ujian)	8.00 pagi – 8.20 pagi	10.00 pagi – 10.20 pagi	11.45 pagi – 12.05 tengah hari
	Persediaan bagi Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 1 - 4) (Bilik Kuarantin)	8.20 pagi – 8.30 pagi	10.20 pagi – 10.30 pagi	12.05 tengah hari – 12.15 tengah hari
	Ujian mula – Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 1 - 4)* (Bilik Ujian)	8.35 pagi – 8.50 pagi*	10.35 pagi – 10.50 pagi*	12.20 tengah hari – 12.35 tengah hari*
	Ujian mula – Ujian Bertutur Individu (Calon 5 - 8) (Bilik Ujian)	8.50 pagi – 9.10 pagi	10.50 pagi – 11.10 pagi	12.35 tengah hari – 12.55 tengah hari
	Persediaan bagi Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 5 - 8) (Bilik Kuarantin)	9.10 pagi – 9.20 pagi	11.10 pagi – 11.20 pagi	12.55 tengah hari – 1.05 tengah hari
	Ujian mula – Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 5 - 8)* (Bilik Ujian)	9.25 pagi – 9.40 pagi*	11.25 pagi – 11.40 pagi*	1.10 tengah hari – 1.25 tengah hari*

Nota: *Tamat tempoh Ujian dan calon dibenarkan meninggalkan tempat ujian.

**JADUAL SIDANG UJIAN BERTUTUR
1119/3 BAHASA INGGERIS KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021
22 HINGGA 24 FEBRUARI 2022**

TARIKH	AKTIVITI CALON/ PETUGAS (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3
CALON HADIR 5 MINIT LEBIH AWAL				
SELASA 22 FEBRUARI 2022 hingga KHAMIS 24 FEBRUARI 2022	Lapor diri/Taklimat Ringkas oleh <i>Interlocutor</i> (Bilik Menunggu)	7.50 pagi – 7.55 pagi	10.35 pagi – 10.40 pagi	2.05 petang – 2.10 petang
	Ujian mula (Bilik Ujian)	8.00 pagi – 10.00 pagi	10.45 pagi – 12.45 tengah hari	2.15 petang – 4.15 petang
	Rehat/Tugas Pentadbiran oleh Pentaksir	10.00 pagi – 10.30 pagi	12.45 tengah hari – 1.15 tengah hari	4.15 petang – 4.45 petang
	Kuarantin Tamat (Bilik Kuarantin)	2.00 petang	2.00 petang	Calon Sidang 3 dibenarkan meninggalkan tempat ujian selepas giliran calon selesai.

JADUAL UJIAN MENDENGAR
1103/4 BAHASA MELAYU KERTAS 4 DAN 1119/4 BAHASA INGGERIS KERTAS 4
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021
19 FEBRUARI 2022

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	UJIAN		
SABTU 19 FEBRUARI 2022	8.15 pagi	8.20 pagi	8.30 pagi – 9.00 pagi <i>30 minit</i>	1103/4	Bahasa Melayu - Ujian Mendengar
	10.00 pagi	10.05 pagi	10.15 pagi – 10.55 pagi <i>40 minit</i>	1119/4	Bahasa Inggeris - Ujian Mendengar

JADUAL SIDANG UJIAN AMALI SAINS
4531/3 FIZIK KERTAS 3, 4541/3 KIMIA KERTAS 3 & 4551/3 BIOLOGI KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021
15 FEBRUARI 2022

TARIKH	AKTIVITI CALON (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3
SELASA 15 FEBRUARI 2022	CALON HADIR 5 MINIT LEBIH AWAL			
	Lapor diri (Bilik Lapor Diri)	7.30 pagi – 7.45 pagi	10.15 pagi – 10.30 pagi	1.45 tengah hari – 2.00 petang
	Ujian mula – semakan radas (Makmal Peperiksaan)	<ul style="list-style-type: none"> • 3 mata pelajaran: 8.00 pagi • 2 mata pelajaran: 8.05 pagi • 1 mata pelajaran: 8.10 pagi 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 mata pelajaran: 10.45 pagi • 2 mata pelajaran: 10.50 pagi • 1 mata pelajaran: 10.55 pagi 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 mata pelajaran: 2.15 petang • 2 mata pelajaran: 2.20 petang • 1 mata pelajaran: 2.25 petang
	Ujian mula	8.15 pagi	11.00 pagi	2.30 petang
	Ujian tamat (Makmal Peperiksaan)	<ul style="list-style-type: none"> • 1 mata pelajaran 8.55 pagi • 2 mata pelajaran 9.35 pagi • 3 mata pelajaran 10.15 pagi 	<ul style="list-style-type: none"> • 1 mata pelajaran: 11.40 pagi • 2 mata pelajaran: 12.20 tengah hari • 3 mata pelajaran: 1.00 tengah hari 	<ul style="list-style-type: none"> • 1 mata pelajaran: 3.10 petang • 2 mata pelajaran: 3.50 petang • 3 mata pelajaran: 4.30 petang
	Kuarantin tamat (Bilik Kuarantin)	2.30 petang	2.30 petang	4.30 petang

**JADUAL SIDANG UJIAN AMALI SAINS
4561/3 SAINS TAMBAHAN KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021
17 FEBRUARI 2022**

KERTAS DAN HARI PEPERIKSAAN	AKTIVITI CALON (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3
CALON HADIR 5 MINIT LEBIH AWAL				
SAINS TAMBAHAN KHAMIS 17 FEBRUARI 2022	Lapor diri (Bilik Lapor Diri)	7.30 pagi – 7.45 pagi	9.45 pagi – 10.00 pagi	12.15 tengah hari – 12.30 tengah hari
	Ujian mula – semakan radas (Makmal Peperiksaan)	8.00 pagi	10.15 pagi	12.45 tengah hari
	Ujian mula	8.15 pagi	10.30 pagi	1.00 tengah hari
	Ujian tamat (Makmal Peperiksaan)	9.45 pagi	12.00 tengah hari	2.30 petang
	Kuarantin tamat (Bilik Kuarantin)	1.00 tengah hari	1.00 tengah hari	2.30 petang

**JADUAL MASA TAMBAHAN BAGI UJIAN AMALI SAINS
CALON BERKEPERLUAN KHAS**

Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

Kategori A: Calon Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Penglihatan (Rabun), Kurang Upaya Pelbagai dan Kurang Upaya Fizikal.

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.: Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu	Masa tambahan yang diberi
1	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam

Kategori B: Calon Kurang Upaya Pendengaran/Kurang Upaya Pertuturan

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu	Masa tambahan yang diberi
1	1 jam	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	1 jam 45 minit	30 minit
5	2 jam	30 minit
6	2 jam 15 minit	35 minit

AMARAN PEPERIKSAAN/PENTAKSIRAN

Calon yang berada di Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin dilarang:

1. membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Jadual Sidang, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. membawa masuk sebarang alat tulis ke dalam Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Kuarantin bagi Ujian Bertutur.
3. menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis.
4. mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
5. memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
6. menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
7. menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Amali.
8. menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
9. membuat rujukan di luar Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasapeperiksaan.
10. membawa kertas peperiksaan keluar dari Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
11. membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan keluar dari Bilik Lapor Diri/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.

Calon yang tidak mematuhi **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** dianggap telah melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tataatirib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

1. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
2. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
3. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisyiharkan terbatal.

LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BORANG PENGAKUAN CALON

1. NAMA CALON		
2. ANGKA GILIRAN		
3. NOMBOR KAD PENGENALAN		
4. PEPERIKSAAN		TAHUN

5. PENGAKUAN CALON

Saya mengaku telah membaca dan akan mematuhi semua **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** seperti yang dinyatakan di atas.

Tandatangan:

Tarikh:

6. PENGESAHAN PENGETUA/PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

Tandatangan:

Tarikh:

NOTA: Borang Pengakuan Calon yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Pengetua bagi calon sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri bagi calon persendirian. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri/sekolah/institut hendaklah menyimpan Borang Pengakuan Calon sehingga enam bulan selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.